



KEMENTERIAN DALAM NEGERI

PEJABAT PENAPISAN FILEM

ARAS 2, SETIA PERKASA 2, KOMPLEKS SETIA PERKASA

PUSAT PENTADBIRAN KERAJAAN PERSEKUTUAN

62546, PUTRAJAYA

Tel : 03-8886 3000

Faks : 03-8889 1685

Web : www.moha.gov.my

Ruj. Kami : KDN.PPF.600-1/4/1 JLD.2 (27)

Tarikh : 6 Januari 2025

SEMUA PENERBIT FILEM

SEMUA PENGEDAR FILEM

SEMUA OPERATOR PAWAGAM

YBhg. Dato' Sri/ Dato'/ Tuan/ Puan,

KETETAPAN BAHARU BERHUBUNG PERMOHONAN TAPISAN BAHAN PUBLISITI BAGI TUJUAN PENAPISAN OLEH LEMBAGA PENAPIS FILEM, KEMENTERIAN DALAM NEGERI

Dengan hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas.

2. Sebagaimana YBhg. Dato' Sri/ Dato'/ Tuan/ Puan maklum, Garis Panduan Penapisan Filem (GPPF) 2024 telah dilancarkan pada 20 Mei 2024 dengan ketetapan-ketetapan yang berkaitan dengan penapisan filem. Sebagai lanjutan kepada garis panduan tersebut, satu ketetapan baharu berhubung penapisan bahan publisiti telah dikeluarkan oleh Lembaga Penapis Filem (LPF) sebagaimana di **Lampiran**. Ketetapan baharu ini adalah bertujuan bagi memastikan semua bahan publisiti filem yang ingin dipaparkan adalah selaras dan mematuhi prinsip-prinsip yang terkandung di dalam GPPF tersebut.

3. Sehubungan itu, bagi memastikan bahan-bahan publisiti yang dipaparkan kepada orang awam adalah sesuai untuk tontonan umum oleh segenap lapisan masyarakat, adalah menjadi tanggungjawab semua penerbit/pengedar filem/operator pawagam **untuk mematuhi ketetapan baharu ini agar dapat membantu melancarkan proses penapisan bahan publisiti yang dikemukakan kepada pihak LPF.**

4. Permohonan penapisan bahan publisiti yang tidak mematuhi ketetapan baharu berkenaan boleh mengakibatkan bahan publisiti yang dikemukakan pihak YBhg. Dato' Sri/ Dato'/ Tuan/ Puan sama ada tidak diluluskan; ataupun akan mengambil tempoh tapisan yang lebih panjang kerana perlu melalui proses pindaan dan semakan lanjut oleh pihak LPF bagi membolehkan tindakan penyelarasan dibuat. Justeru, pemakaian ketetapan baharu ini **berkuatkuasa mulai 20 Januari 2025 (Isnin).**

5. Sekiranya terdapat sebarang persoalan atau isu berhubung dengan ketetapan baharu bahan publisiti ini, YBhg. Dato' Sri/ Dato'/ Tuan/ Puan boleh menghubungi pegawai-pegawai berikut:

- i. Puan Zurina binti Zulkifli
Telefon: 03 – 8886 3219
E-mel: zurina@moha.gov.my
- ii. Cik Sariah binti Yusof
Telefon: 03 – 8886 3339
E-mel: sariah@moha.gov.my


Segala kerjasama dan perhatian pihak YBhg. Dato' Sri/ Dato'/ Tuan/ Puan di dalam mematuhi ketetapan baharu ini amatlah dihargai dan didahului dengan ucapan terima kasih.

Sekian.

“MALAYSIA MADANI”

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menandatangani,



(ISMAINUR HADI AMAT BAKERON)
Setiausaha Bahagian
Pejabat Penapisan Filem
b.p. Ketua Setiausaha
Kementerian Dalam Negeri

s.k.:

Pengerusi (LPF)

Setiausaha Bahagian (Penguatkuasaan dan Kawalan) KDN

LAMPIRAN

Perkara-perkara yang perlu diambil tindakan sebelum permohonan dikemukakan kepada Lembaga Penapis Filem (LPF) bagi tujuan penapisan bahan publisiti berdasarkan Pekeliling Bil.4/2024 adalah sebagaimana berikut:

1. Bahan publisiti yang menggunakan bahasa Melayu perlu menggunakan bahasa Melayu sepenuhnya dan tidak boleh dicampur-adukkan dengan bahasa-bahasa lain. Walau bagaimanapun, bahan publisiti di dalam bahasa selain daripada bahasa Melayu adalah juga dibenarkan.
2. Paparan yang dilarang sama sekali di dalam bahan publisiti ialah :
 - i. Kitab al-Quran;
 - ii. Kalimah mengandungi nama Allah;
 - iii. Perkataan di dalam bahasa Arab yang tidak tepat maksudnya;
 - iv. Bahasa lucah/ tidak sopan;
 - v. Imej lucah/ bogel/ seksual/ ciuman mulut/ pelukan bernaafsu/ isyarat lucah/ LGBTQ;
 - vi. Imej ngeri/ ganas/ kejam;
 - vii. Imej penyalahgunaan dadah;
 - viii. Tulisan/ imej mempersendakan sesuatu agama/ kaum/ pemimpin negara;
 - ix. Propaganda komunis;
 - x. Imej rokok/ rokok paip/ cerut/ vape atau paparan seseorang memegang atau menghisap rokok/ rokok paip/ cerut/ vape;
 - xi. Imej meminum alkohol/ paparan botol alkohol/ gelas mengandungi minuman beralkohol;
 - xii. Klasifikasi serta lambang badan penapisan filem negara luar; dan
 - xiii. Memegang senjata yang dihalakan kepada diri sendiri.
3. Susunan lambang yang dipaparkan di dalam bahan publisiti khususnya bahan publisiti yang memaparkan jata negara hendaklah mematuhi tatacara penggunaan logo rasmi Kementerian/ Jabatan/ Agensi/ Syarikat berdasarkan garis panduan yang dikeluarkan oleh agensi yang bertanggungjawab.
4. Paparan anugerah atau penyertaan sesebuah filem di dalam sesebuah festival filem atau pertandingan hendaklah disertakan dengan dokumen sokongan bagi membuktikan penerimaan anugerah atau penyertaan filem tersebut di dalam sesebuah festival filem.